

# Bingung ditinggal isteri di KLIA

**Kuala Lumpur:** Seorang warga emas kini bingung apabila ditinggalkan isteri yang dikahwini sejak lebih tiga tahun lalu ketika mahu menaiki pesawat untuk pulang ke Amerika Syarikat (AS) dalam kejadian di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 27 November lalu.

Wanita terbabit, Cheong Lai Har, 45, mendakwa mahu ke tandas untuk membua air sebelum menghilangkan diri tanpa khabar berita hingga menimbulkan kebimbangan kepada suaminya, Henry Chuen, 63.

Menurut Henry, dia dan isterinya yang dikenali sebagai Lisa berkahwin di Las Vegas, AS selepas berkenalan melalui laman sosial Facebook (fB) se-

lama enam bulan.

“Saya yang sememangnya sudah mendapat taraf penduduk tetap (PR) AS membawa isteri saya berkahwin di sana sebelum, isteri saya turut mendapat taraf PR berkenaan September lalu.

“Bagaimanapun, kami pulang ke negara ini Oktober lalu selepas bapa isteri saya sakit tenat sebelum meninggal dunia sebulan selepas itu,” katanya ketika sidang media di Biro Pengaduan Awam MCA, di Jalan Ampang, di sini, semalam.

Menurutnya, selepas semua urusan pengebumian dan berkaitan selesai, mereka sepatutnya pulang ke AS pada 27 November dan selepas tiba di KLIA, isterinya pergi ke tandas tetapi tidak muncul semula.



**HENRY** (kiri) menunjukkan gambar isterinya sambil diperhatikan Ketua Biro Pengaduan Awam, Datuk Seri Michael Chong (kanan).

*Appeared in National newspaper in year 2013*

在2013年的官方报章新闻报道上